

MBM anggap Mahathir pemimpin tegas dan berani

BH 20 SEP 1986

SEREMBAN, Jumaat — Majlis Belia Malaysia (MBM) menganggap ucapan dasar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Perhimpunan Agung Umno Ke-37 di Kuala Lumpur semalam sebagai tegas dan berani.

Isi kandungan ucapan itu boleh diibaratkan sebagai kelahiran satu lagi dilema Melayu selepas beliau berjaya menyampaikan ideanya melalui bukunya berju-

dul 'Malay Dilemma', kata presidennya, Encik Hassan Malek.

Menurut beliau, ucapan sedemikian tegas, berani dan tidak bersekolong itu menunjukkan Perdana Menteri mempunyai pandangan jauh ke arah pembentukan rakyat Malaysia yang bersatu padu.

"Sikap berani dan berterus terang Presiden Umno itu belum pernah dibuat oleh pemimpin Umno sebelumnya," jelasnya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Encik Hassan berkata, adalah wajar masyarakat Malaysia menyambut baik saranan Perdana Menteri itu, iaitu mengambil sikap melupakan masalah lama supaya perancangan yang dilaksanakan sekarang dapat dijayakan dengan lebih berkesan.

Datuk Seri Dr Mahathir dalam ucapannya juga menegaskan, ada pihak-pihak yang cuba memusnahkan perpaduan kaum dan kestabilan politik dengan isu-isu menja-

tuhkan maruah pemimpin negara ini.

Menurut beliau, usaha itu sengaja ditimbulkan kerana ada pihak tidak suka kejayaan yang diperolehi oleh Bumiputera.

Selaras dengan saranan itu, Encik Hassan meminta pemimpin parti politik yang suka menyemarakkan isu-isu tertentu untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat bagi kepentingan parti dan politik supaya menghentikan taktik itu.

MBM menyifatkan perbuatan itu tidak ber-

tanggungjawab dan boleh menghancurkan negara, katanya.

"Tindakan itu sudah lapuk. Lebih baik setiap masalah yang dihadapi itu diselesaikan oleh pemimpin-pemimpin parti politik di peringkat parti dan kabinet," katanya.

MBM sebagai badan induk pertubuhan belia di negara ini akan terus berusaha meningkatkan perpaduan kaum di negara ini, katanya.

Encik Hasaan berharap langkah yang sama dilakukan oleh semua pertubuhan politik dan sukarela di negara ini.